

Pensyarah UMS bantu penulisan PPPS

um 13.5.2015 26

KOTA KINABALU 12 Mei -

Pensyarah Kanan Program Sains Sukan, Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr. Mohamad Nizam Nazarudin baru-baru ini dilantik menjadi salah seorang moderator dalam Bengkel Penulisan Pelan Pembangunan Sukan (PPPS) 2015-2023.

UMS dalam satu kenyataannya memberitahu, pelantikan Mohamad Nizam itu berdasarkan rekod beliau dalam bidang penerbitan sukan, selain penglibatan aktif pembangunan sukan negara serta Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) sebelum ini.

Jelas kenyataan itu, pemilihan Mohamad Nizam sebagai moderator dalam bengkel tersebut merupakan satu kebanggaan buat universiti sekali gus membuktikan keupayaan tenaga pengajar UMS.

Dalam pada itu, Mohamad Nizam yang ditemui berkata, pihaknya melahirkan rasa bangga dan berterima kasih kepada yang menjemputnya untuk bertindak sebagai moderator dalam bengkel penulisan terbabit.

“Saya merasakan pelantikan ini berdasarkan pengalaman dan penglibatan saya dalam sukan negara. Pemilihan ini merupakan satu penghargaan kepada diri, malah sedikit sebanyak mampu mengetengahkan UMS di peringkat kebangsaan,” katanya.

Menyentuh tentang bengkel itu katanya, program tersebut adalah langkah terbaik bagi menyusun semula pelan pembangunan sukan negara melalui proses pendokumentasian yang sistematis.

Jelasnya, penganjuran bengkel itu membincangkan 15 jenis sukan iaitu akuatik terjun, renang berirama, angkat berat, berbasikal, gimnastik artistik, gimrama, karate, boling padang, memanah, menembak, pelayaran, skuasy, taekwondo, tinju serta wushu.